

Menteri kecam pihak2 lancar kempen bisik2, surat layang

KLUANG, Ahad. — Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat hari ini mengecam golongan yang kini giat melancarkan "kempen bisik-bisik" dan menyebarkan surat-surat layang untuk menimbulkan pepecahan di kalangan rakyat serta menghuru-harakan negara.

Bellau lalu mengingatkan rakyat supaya bersatu padu dan berwaspada terhadap dakyah-dakyah kotor ini dan membuangkan sahaja surat-surat layang ke bakul sampah.

Datuk Mohamad menjelaskan, "kempen bisik-bisik" itu dilancarkan semata-mata untuk mewujudkan kekeliruan di kalangan rakyat supaya mereka sangsi sama sendiri.

"Usaha golongan-golongan ini bukan setakat memecah belahkan Orang Melayu, malah Orang Cina dan India."

"Mereka bukan sahaja bergerak dengan cara mulut, tetapi juga melalui tafsiran pemikiran yang salah serta surat-surat 'beracun' yang banyak bisanya," tambah bellau.

Menteri itu menyatakan demikian ketika merasmikan Majlis Gerakan Tumpuan Kawasan Parlimen Kluang di Balairaya Kampung Paya di sini pagi tadi.

Bellau berharap rakyat terutamanya golongan muda supaya jangan mudah terpengaruh dengan dakyah kotor itu kerana ianya bukan sahaja

merbahaya tetapi juga boleh merosakkan diri mereka sendiri.

"Usaha-usaha tidak senonoh ini juga menguntungkan musuh-musuh negara terutamanya pihak komunis yang sentiasa mencari jalan dan kesempatan untuk menimbulkan pepecahan dan huru-hara di negara ini," tegas bellau lagi.

Datuk Mohamad berkata, adalah hasrat Kerajaan mengadakan satu pentadbiran yang bersih, cekap dan lalin serta berlandaskan demokrasi.

Melalui proses demokrasi inilah rakyat boleh membuat sebarang teguran terhadap Kerajaan melalui saluran-saluran yang disediakan.

"Rakyat boleh membuat pengaduan kepada Biro Pengaduan Awam dan jika ada penyelewengan oleh mana-mana pihak mereka boleh pula mengadu kepada Biro Siasatan Negara.

"Tetapi, kenyataan hendaklah benar, tidak mengikut perasaan hati dan hanya tahu menghentam Kerajaan semata-mata," ujarnya.

Bellau mengingatkan rakyat supaya sentiasa bekerja keras dan jangan bersikap meminta, mendesak, menghentam, memboikot dan akhirnya menjatuhkan Kerajaan.

"Ini bukanlah cara yang harus dilakukan oleh rakyat yang berfikiran matang dan maju," tambahanya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia